

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SIM TZE TZIN** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan rancangan pemulihan pendidikan untuk mengatasi '*learning loss*' yang dihadapi oleh pelajar-pelajar sepanjang lebih kurang 2 tahun PdPR. Terutamanya pelajar yang berada di kawasan rangkaian telekomunikasi terhad terutamanya di luar bandar dan pedalaman.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan kepada pembelajaran murid terutamanya apabila mereka tidak dapat hadir ke sekolah secara bersemuka. Oleh yang demikian, selain daripada keciciran daripada sistem pendidikan, KPM turut melihat keciciran dalam konteks penguasaan pembelajaran. Mengambil kira hal ini, KPM telah membangunkan satu kerangka yang holistik dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat terus dilaksanakan dengan berkesan. Untuk itu, KPM telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). PdPR dilaksanakan melalui tiga pendekatan iaitu secara dalam talian (*online*), di luar talian (*off-line*) dan *off-site* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru mengambil inisiatif untuk melaksanakan PdP secara luar talian melalui penggunaan buku teks. Buku aktiviti pula boleh digunakan untuk membuat latihan ulangkaji. Guru menyediakan modul pembelajaran dan membuat serahan bahan tersebut kepada murid. Guru juga mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Selain itu, KPM juga telah memperkenalkan semula siaran TV Pendidikan. Murid boleh mengikuti pelbagai rancangan TV Pendidikan melalui saluran DidikTV KPM, TV Okey RTM dan Tutor TV Astro. Kandungan yang disediakan adalah berdasarkan kepada kurikulum peringkat prasekolah hingga ke tingkatan enam. Di samping itu, kandungan rancangan TV Pendidikan turut memuatkan slot yang berkaitan kokurikulum.

KPM juga telah melaksanakan penjajaran kandungan kurikulum mata pelajaran. Penjajaran kurikulum mata pelajaran difokuskan kepada Kandungan Asas (KA) supaya murid dapat disediakan untuk pembelajaran peringkat seterusnya. Kandungan Tambahan (KT) dan

## **NO. SOALAN : 70**

Kandungan Pelengkap (KP) pula boleh dilaksanakan mengikut keupayaan murid.

Bagi memperkasakan pelaksanaan kurikulum, KPM juga menambah baik sokongan pembelajaran dengan memperkenalkan Program Pemerksaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU). Program KPMPerkasaKU dirangka dengan tujuan memastikan pembelajaran pemulihan bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi. Di samping itu juga, program ini menyediakan pelbagai sokongan bagi mengukuh dan memperkayakan penguasaan kandungan mata pelajaran. Program ini melibatkan murid sekolah rendah dan sekolah menengah.

KPM juga telah membuat ketetapan untuk melanjutkan sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Februari 2022. Pelanjutan sesi ini membolehkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan secara intensif bagi meningkatkan kesediaan murid untuk mengikuti tahun persekolahan berikutnya.

KPM akan terus komited dalam memastikan pembelajaran murid diberi keutamaan.